

untuk menangani masalah tersebut untuk memastikan kelestarian marin dan ekopelancongan di Sabah.

## Aktivis Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat

Peranan aktivis sosial sering kali disinonimkan dengan peranan sukarelawan. Pengetahuan cetek memungkinkan penyamaan peranan ini diterima secara meluas memandangkan dari satu sisi, kedua-duanya melibatkan peruntukan tenaga, luangan masa dan ada kalanya sumbangan kewangan yang memberi faedah kepada komuniti dan masyarakat. Tidak seperti sukarelawan yang sekadar memberi khidmat bantuan, aktivis sosial membawa peranan yang jauh lebih besar. Aktivis sosial berperanan sebagai penggerak dan mengukuhkan suatu idea asas yang berupaya membentuk landskap kekal dalam masyarakat ideal (Mohamed Imran Mohamed Taib, 2006). Oleh yang demikian, memberikan gelar 'aktivis sosial' bukanlah semudah menyebutnya lantaran terdapat dua elemen utama yang perlu ada pada individu tersebut. Pertama, perlu ada *sense of historical mission* yang mana individu perlu sedar akan peranan pentingnya dalam proses transformasi sosial. Dalam konteks ini, ia bermaksud seorang aktivis sosial perlu sedar bahawa kondisi masa kini dibentuk oleh sejarah lalu dan pada masa yang sama tindakan manusia pada hari ini akan menentukan rupa bentuk sejarah pada masa hadapan.

Kedua, seorang aktivis sosial perlu mempunyai keprihatinan tulus kepada manusia atau *genuine concern for people*. Dia perlu mempunyai rasa empati yang semula jadi, bukan sengaja dilakonkan atau dibuat-buat demi mencapai populariti dan sokongan dalam masyarakat. Empati lakonan sekadar ekspresi yang dizahirkan tanpa ada sebarang emosi. Impaknya adalah penilaian ke atas masyarakat berdasarkan lensa yang terasing dan terpisah jauh dari gambaran realiti masyarakat. Sebaliknya, empati tulus menghimpun rasa simpati tulus tanpa menghukum, malah menerbitkan rasa kebertanggungjawaban untuk memperbaiki kepincangan yang ada.

Tan Sri Lee Lam Thye sememangnya memenuhi kriteria seorang aktivis sosial sejati. Beliau hanya bersara dari tugasnya dalam dunia politik, tetapi tidak dari tugasnya berkhidmat untuk masyarakat. Beliau secara konsisten telah memperjuangkan kesejahteraan setiap ahli masyarakat khususnya dari segi aspek perlindungan hak kesejahteraan dan keselamatan. Beliau belajar dari sejarah bahawa perpaduan kaum boleh bermula di sekolah dan beliau menggesa agar masyarakat mulai mengambil tindakan pada masa ini bagi membentuk bangsa 1Malaysia pada masa hadapan. Dalam temu bual, beliau menyatakan “...I come from a very poor family. So I understand how the feelings and the aspirations of the poor...” Latar hidup beliau yang datangnya dari orang kebanyakan juga menjadikannya seorang yang bukan sekadar memahami tetapi turut boleh merasai segala sesuatu yang dideritai oleh golongan yang kurang bernasib baik.

## Penutup

Bukanlah perkara yang mudah untuk mewajarkan seorang humanis seperti Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye. Usaha paling sukar ialah untuk mencari cara yang paling sesuai bagi mengungkap segala jasa dan baktinya supaya segala usaha murninya terpatris dalam lipatan sejarah. Oleh itu, bagi menghargai sumbangannya yang tidak ternilai kepada kesejahteraan masyarakat di negara kita, Universiti Malaysia Sabah sesungguhnya merasa terhormat untuk menganugerahkan beliau Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kerja Sosial) dalam konvokesyen yang sungguh istimewa ini.

Nota: Semua foto yang terdapat dalam penulisan ini merupakan koleksi peribadi Tan Sri Lee Lam Thye.